

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(95)
Tarikh : 26 Julai 2023

KENYATAAN MEDIA

Pendaftaran Trash Free Hill 2023 Kini Dibuka!

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) berbesar hati mengumumkan bahawa pendaftaran untuk acara yang dinanti-nantikan, **Trash Free Hill 2023** (TFH 2023) edisi keempat kini dibuka. Susulan pengumuman pada sidang media 13 Jun 2023, **individu daripada semua lapisan masyarakat, terutamanya keluarga, pejalan kaki / pendaki yang berpengalaman, dan agensi korporat digalakkan untuk menyertai inisiatif pembersihan ini.**

Trash Free Hill (TFH) ialah aktiviti mengutip sampah sarap yang dijalankan setiap tahun bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan pemeliharaan Bukit Bendera. Sejak dilancarkan pada tahun 2018, ia berfungsi sebagai platform untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran alam sekitar dan pelupusan sisa, sekali gus melindungi dan memelihara Bukit Bendera dan biodiversiti. Selama bertahun, ia telah terbukti sebagai inisiatif yang berkesan dan berjaya menarik bilangan sukarelawan yang ramai bagi membantu mengutip sampah di laluan-laluan yang ditetapkan.

Trash Free Hill 2023 (TFH2023) akan berlangsung pada **24 September 2023** dari pukul **6.30 pagi sehingga 12.00 tengahari** di tujuh laluan sekitar Bukit Bendera, bermula di **Pintu Masuk A & B Moongate, Taman Botani, Jalan Jip, Laluan Warisan/Stesen Bawah, Ladang Hye Keat, dan Jalan Air Itam**. Kesemua laluan ini akan berakhir di Dataran, Bukit Bendera.

Pendaftaran adalah percuma dan dibuka mulai hari ini. Peserta yang berminat boleh mendaftar secara dalam talian di laman web **Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang** (www.penanghill.gov.my) atau melalui **platform media sosial Bukit Bendera**.

PBBPP mensasarkan seramai 700 sukarelawan menyertai Trash Free Hill pada tahun ini. Setiap sukarelawan akan menerima **Kit Peserta Sukarelawan TFH2023** dan e-sijil sebagai tanda penghargaan. Sukarelawan digalakkan untuk membawa botol air mereka sendiri dan memakai tshirt *Trash Free Hill* yang lalu semasa menyertai TFH2023 bagi menyokong inisiatif hijau Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sukarelawan yang menyertai *Trash Free Hill* (TFH) dapat menyumbang kepada pemeliharaan Bukit Bendera, memastikan persekitaran yang bersih dan mengekalkan status sebagai Rizab Biosfera UNESCO. Hal ini membantu untuk menjaga keindahan Bukit Bendera untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

PBBPP merakamkan ucapan terima kasih kepada penaja yang menyokong TFH 2023. Sumbangan mereka menjadikan acara yang berkesan ini dapat dilaksanakan. Terima kasih kepada David Brown's Restaurant & Tea Terrace, Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd (McDonald's), Hickory, Inari Technology Sdn Bhd, Lean Lee Trading Co Sdn Bhd, Printhero Sdn Bhd, Safetyware Group Berhad, The Habitat Penang Hill dan perniagaan serta organisasi lain yang telah bekerjasama dengan PBBPP untuk mempromosikan kelestarian alam sekitar. PBBPP masih mengalu-alukan tajaan dalam bentuk barangan daripada mana-mana pihak yang berminat untuk menyokong aktiviti tahunan Bukit Bendera ini. Jika berminat, boleh menghantar surat ke inquiries@penanghill.gov.my.

TFH2023 merupakan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui YB Phee Boon Poh, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan Negeri Pulau Pinang serta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Penang Green Council (PGC), Universiti Sains Malaysia (USM), Persatuan Penduduk Bukit Bendera, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pasukan Bomba Sukarelawan Air Itam Bukit Bendera, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Balai Polis Bukit Bendera, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, dan komuniti pendaki.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang di www.penanghill.gov.my atau hubungi 04-828 8880.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini

Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
wlim@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat Bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my

Laluan TFH2023

Laluan ini adalah seperti yang disyorkan oleh pendaki yang berpengalaman. Paramedik akan bersiap sedia di tempat pemeriksaan dan lokasi penamat. Jarak laluan, tahap kesukaran dan masa tamat adalah seperti yang tertera dalam jadual di bawah:

Laluan	Kesukaran	Tempoh (Approx..)	Lokasi Permulaan	Jarak (Approx..)	Flag-off Time
1	Sederhana	4 Jam	Moongate Entrance A – Station 5 – Station P84 – Moniot Road – Viaduct West - Upper Tunnel Road – Bypass D – Summit Road – Dataran, Penang Hill	7.9km	7.00 am
2	Sederhana	3.5 Jam	Moongate Entrance B – Bukit Cendana – Jeep Track – Viaduct Road East – Bypass J - Jeep Track – Summit Road – Dataran, Penang Hill	6.5km	7.00 am
3	Sederhana	3.5 Jam	Penang Botanic Gardens Entrance – Reservoir – Station 46 – Jeep Track – Dataran, Penang Hill	6.0km	7.00 am
4	Mudah	3 Jam	Jeep Track – Upper Tunnel Road – Bypass B – Summit Road – Dataran, Penang Hill	6.2km	7.00 am
5	Mudah	3.5 Jam	Lower Station – Temple Road – Heritage Trail – Middle Station – Claremont – Viaduct Station – Viaduct Road West – Bypass H – Bypass E – Bypass C – Summit Road – Dataran, Penang Hill	5.0km	7.00 am
6	Mudah	3 Jam	Hye Keat Estate – Middle Station – Claremont – Viaduct Station – Bypass G – Lower Tunnel Road – Upper Tunnel Road West – Bypass A - Summit Road – Dataran, Penang Hill	4.5km	7.00 am

7	Sederhana	3 Jam	Jalan Air Itam (Near Police Station) – Middle Station – Farmers' Path - Viaduct Road West - Moniot West – Summit Road – Dataran, Penang Hill	7.7km	7.00 am
---	-----------	-------	--	-------	---------

Penafian:

Walaupun langkah keselamatan akan diambil untuk memastikan keselamatan semua peserta, penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian, kecederaan, atau kematian sebelum, semasa atau selepas program. PBBPP menggalakkan hanya pendaki yang mahir / berpengalaman untuk menyertai acara tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

TFH2023

Tarikh : 24 September 2023 (Ahad)

Masa : 6:30 pagi – 12.00 tengahari (Semua peserta mesti daftar masuk **30 minit** sebelum masa *flag-off*).

Pendaftaran: Percuma. Daftar atas talian di www.penanghill.gov.my/tfh sebelum **14 Ogos 2023**.